



## Rezeki anak kelah

HOBi Muhammad Faizal Ikhwan Ismail, 11, (kanan) dan Muhammad Sharil Hakim Mat Nawang, 12, menyauk anak ikan kelah merah di Sungai Belukar Bukit di Hulu Terengganu memberi rezeki tambahan untuk belanja sekolah mereka. Benih-benih ikan itu dijual 40 sen seekor kepada seorang penternak. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY (Berita di muka 30)

# Tangkap benih ikan kelah tampung belanja sekolah

um 18/5/2022 h: 30


Oleh ROSALINDA MD. SAID  
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**HULU TERENGGANU:** Hobi tiga sahabat dari Kampung Belukar Bukit di sini, menangkap benih ikan kelah membolehkan mereka menjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan sekolah masing-masing.

Aktiviti yang dijalankan sejak empat tahun lalu membantu Mohd. Farizal Ikhwan Ismail, 11, Mohd. Syahril Akim Mat Nawan, 12, dan Mohd. Syahrizal Aiman Abdullah, 14, berdikari sekali gus meringankan beban keluarga masing-masing.

Mohd. Farizal Ikhwan berkata, sepanjang tempoh itu, mereka jarang meminta wang saku daripada ibu bapa, malah turut memanfaatkan pendapatan sampingan bagi membeli peralatan sekolah termasuk buku.

Murid Sekolah Kebangsaan Betong itu berkata, benih ikan kelah merah dijual pada harga 40 sen seekor kepada seorang penternak di sini dan sepanjang Aidilfitri ini mereka mampu meraih lebih RM100 seorang.



**TIGA** sahabat mencari benih ikan kelah bagi menampung perbelanjaan sekolah di Air Terjun Belukar Bukit, Hulu Terengganu, Terengganu. -UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Katanya, hobi itu dilakukan setiap hari selepas pulang dari sekolah antara pukul 2 hingga 4 petang dan diteruskan pada hujung minggu di sekitar kawasan Air Terjun Belukar Bukit.

"Hanya dua peralatan dibawa iaitu penapis bagi menyauk ikan dan bekas kosong yang mana proses pencarian tidak susah kerana habitatnya di celah batu

atau timbunan pokok serta di kawasan air tenang.

"Biasanya dalam tempoh dua jam itu kami berjalan meredah air separas paha sejauh kira-kira satu kilometer dan mampu menangkap kira-kira 350 ekor benih ikan dengan kesemuanya dijual terus," katanya kepada Utusan Malaysia, semalam.

Sementara itu, Mohd. Syahri-

zal Aiman pula mampu membeli kenderaan terpakai bagi kegunaan keluarganya hasil jualan benih ikan kelah yang dikumpul dalam tempoh beberapa bulan.

Katanya, dia sendiri tidak menyangka hobi masa lapang bersama kawan-kawan sekampung itu membolehkannya memiliki motosikal terpakai berharga RM800.